

IQRA

PTAR

UNIVERSITI  
TEKNOLOGI  
MARA

"LIBRARY for ALL" ISSN : 2289-9537

e- BULETIN PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK

[www.facebook.com/library.uitm](https://www.facebook.com/library.uitm)
[www.instagram.com/ptaruitm](https://www.instagram.com/ptaruitm)
[perpustakaanuitm.blogspot.my](http://perpustakaanuitm.blogspot.my)

## SESI SEJARAH LISAN BERSAMA TOKOH ITM

**Profesor Dato' Dr. Hj. Mohd Mansor Bin Hj. Salleh,  
Mantan Pengarah ITM KE-11**



Jabatan Arkib Universiti dengan kerjasama Fakulti Pengurusan Maklumat, UiTM Kampus Puncak Perdana telah melaksanakan sesi rakaman sejarah lisan bersama Tokoh ITM pada 25 September 2018 (Selasa). Sesi temuramah bersama Mantan Pengarah ITM ke-11 iaitu YBhg. Prof. Dato' Dr. Hj. Mohd Mansor bin Hj. Salleh telah diadakan di Auditorium, PTAR Undang-Undang. Turut hadir adalah Datin Rokiah binti Hassan, Isteri kepada YBhg. Prof. Dato' Dr. Hj. Mohd Mansor.

Sesi tersebut telah dikendalikan oleh Encik Mohd Hazrul bin Mohd Hussin dari Bahagian Perkhidmatan Arkib dengan kerjasama Puan Nik Azliza Nik Ariffin, Pensyarah Kanan Fakulti Pengurusan Maklumat selaku penasihat dan juga tenaga pakar bagi sejarah lisan. Sesi bersama YBhg. Prof. Dato' akan dilaksanakan secara berperingkat di mana fokus pada kali ini adalah berkenaan biografi. Manakala bagi sesi seterusnya pula akan membincangkan secara lanjut mengenai polisi pentadbiran ketika beliau menjadi Pengarah ITM.

Sesi ini merupakan wadah untuk mengumpul fakta-fakta dan maklumat sejarah tokoh, institusi, pentadbiran, pendidikan dan sebagainya melalui pengkisahan pengalaman tokoh tersebut. Dengan adanya program seperti ini, ianya akan menambahkan koleksi bahan arkib sebagai sumber rujukan arkib universiti.



## AKTIVITI PERPUSTAKAAN



SEKITAR UJICUBA HASIL CIPTAAN PELAJAR KE PTAR KAMPUS SAMARAHAN  
PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK KAMPUS SAMARAHAN - 24 SEPTEMBER 2018



SARINGAN KESIHATAN DAN CERAMAH KESIHATAN  
PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAN SAMARAHAN 2 - 26 SEPTEMBER 2018



SESI PERKONGSIAN ILMU BERSAMA STAF PERPUSTAKAAN UNIMAS (CAIS)  
PTAR UITM CAWANGAN SARAWAK KAMPUS SAMARAHAN - 28 SEPTEMBER 2018



TAHNIAH ATAS KEMENANGAN DI FESTIVAL NASYID PERINGKAT NEGERI SARAWAK  
LAWAS. SARAWAK - 29 SEPTEMBER 2018



## LAWATAN KE PTAR SEPTEMBER 2018



**ASRAMA KASIH**  
TARIKH: 1 SEPTEMBER 2018  
TEMPAT: PERPUSTAKAAN KAMPUS  
JASIN, UITM CAWANGAN MELAKA



**SMK TAMAN RIA TARIKH:**  
7 SEPTEMBER 2018  
TEMPAT: PERPUSTAKAAN SULTAN  
BADLISHAH, UITM CAWANGAN KEDAH



**POLITEKNIK LANGKAWI**  
TARIKH: 7 SEPTEMBER 2018  
TEMPAT: PERPUSTAKAAN DATO JAAFAR  
HASSAN, UITM CAWANGAN PERLIS



**SMK GEDONG**  
TARIKH: 19 SEPTEMBER 2018  
TEMPAT: PTAR SAMARAHAN 2, UITM  
CAWANGAN SARAWAK

## “SEMARAK MUHARAM: ASYURA@PAB” DI PERPUSTAKAAN AL-BUKHARI

Oleh: Norfitriah Bt Mat Seman



Perpustakaan Al-Bukhari (PAB) telah mengadakan satu program bagi menyemarakkan bulan Muharam dengan mengadakan gotong royong megacau bubur asyura. Beberapa aktiviti turut diselitkan iaitu sambutan bulan kelahiran staf bulan Ogos dan September serta “Pot Luck” sepanjang program berlangsung.

Tujuan utama program adalah untuk mengeratkan silaturahim di antara staf PAB. Program ini turut disertai oleh staf dari unit lain. Program ini diyakini dapat menambahkan lagi semangat kerjasama dan hubungan erat dalam kalangan staf.



## PROGRAM GALAKAN MEMBACA TAHUN 2018

Oleh: Nur Aqilah Russli



Pada 18 -25 September 2018 - Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR) Cawangan Perak, Kampus Tapah telah mengadakan Program Galakan Membaca 2018 bertempat di Kaunter Perkhidmatan Pelanggan PTAR Kampus Tapah. Objektif program ini adalah untuk meningkatkan kesedaran tentang kepentingan membaca di kalangan warga UiTM Kampus Tapah serta memupuk minat dan amalan membaca di kalangan pelajar, staf pentadbiran serta staf akademik UiTM kampus Tapah. Cara penyertaan program tersebut adalah peserta perlu meminjam sekurang-kurangnya tiga buah buku serta mengisi borang di Kaunter Perkhidmatan Pelanggan. Peserta perlu mengisi sinopsis ketiga-tiga buku beserta slogan PTAR Kampus Tapah di dalam borang tersebut.

## HARI BERTEMU PELANGGAN PERPUSTAKAAN 2018



Pada 25- 26 September 2018, Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR) Cawangan Perak, Kampus Tapah telah mengadakan Hari Bertemu Pelanggan 2018 PTAR Kampus Tapah bertempat di tingkat satu dan dua PTAR Kampus Tapah. Objektif program ini adalah memberi pengetahuan mengenai perpustakaan kepada para pelajar khususnya di UiTM Cawangan Perak Kampus Tapah, mengeratkan hubungan antara pengguna dan juga pihak pengurusan perpustakaan dan mempromosikan perkhidmatan dan kemudahan yang disediakan oleh perpustakaan. Antara aktiviti yang dijalankan adalah Word Search, feedback tree, peraduan Selfie, roda impian, shelving game, teka bilangan mukasurat buku, teka berat buku, permainan santai (catur, karom) dan Anugerah Peminjam Buku Terbanyak. Penolong Rektor UiTM Kampus Tapah, Dr Mohamed Imran Ariff dijemput untuk merasmikan serta menutup majlis Hari bertemu Pelanggan 2018.

## UITM – EMERALD JOURNAL REVIEW WRITING COMPETITION



*Sekalung*  
**TAHNIAH**

**PEMENANG UITM-EMERALD JOURNAL REVIEW  
WRITING COMPETITION 2018**

- Tempat Pertama : Dr Abdul Kadir Othman
- Tempat Kedua : Dr. Ruhaini Muda
- Tempat Ketiga : Dr. Muhammad Iskandar Hamzah



UITM – Emerald Journal Review Writing Competition 2018 merupakan program yang julung-julung kalinya diadakan di UITM. Program ini memberikan pendekatan dan pendedahan kepada para peserta untuk menghasilkan review yang berkualiti menggunakan kriteria penerbitan bertaraf antarabangsa.

Pertandingan ini telah di adili oleh 3 orang juri berpengalaman iaitu Prof. Dr. Siong Choy (UCSI), Prof Madya Dr. Norli Ali (UITM) dan Prof Madya Dr. Noryati Ahmad (UITM). Program ini juga diisi dengan 3 slot ceramah berkaitan peer review telah disampaikan oleh Prof Dr. Chong Siong Choy (UCSI), Dr Mamunur Rashid (University of Nottingham Malaysia) dan Dr. Yeong Soon Keong (UITM).

**Syabas dan tahniah kepada Pemenang**

**Tempat Pertama : Dr Abdul Kadir Othman**

**Tempat Kedua : Dr. Ruhaini Muda**

**Tempat Ketiga : Dr. Muhammad Iskandar Hamzah**



Program ini telah dirasmikan oleh Prof. Dr Chen Ai Hong (Pegarah CORE) dan telah mendapat respon yang positif dari semua peserta.

## AKTIVITI PERPUSTAKAAN



**AUDIT EKSA  
PERPUSTAKAAN TENGKU ANIS - 25 SEPTEMBER 2018**



**PAMERAN BUKU  
PERPUSTAKAAN TENGKU ANIS - 2 HINGGA 6 SEPTEMBER 2018**



**SESI AUDIT EXTERNAL REVIEW (ER) INOKA DAN AUDIT  
UITM CAWANGAN KEDAH - 18 HINGGA 20 SEPTEMBER 2018**



## LAWATAN KE PTAR SEPTEMBER 2018



**SMK OYA**  
**TARIKH: 13 SEPTEMBER 2018**  
**TEMPAT: PTAR CAWANGAN SARAWAK**



**SMK TABUAN JAYA**  
**TARIKH: 13 SEPTEMBER 2018**  
**TEMPAT: PTAR CAWANGAN SARAWAK**



**SEKOLAH KEBANGSAAN SEBATU SUNGAI**  
**RAMBAI, MELAKA**  
**TARIKH : 26 SEPTEMBER 2018**  
**TEMPAT: PUSAT SUMBER UITM CAWANGAN**  
**MELAKA KAMPUS BANDARAYA PADA**



## AKTIVITI PERPUSTAKAAN



**PAMERAN BUKU DARI UITM PRESS  
PERPUSTAKAAN UITM CAWANGAN MELAKA KAMPUS JASIN - 19 HINGGA 20 SEPTEMBER 2018**



**PERTANDINGAN LEGO 'BUILD IT'  
PERPUSTAKAAN UITM CAWANGAN MELAKA KAMPUS JASIN - 27 HINGGA 28 SEPTEMBER 2018**



**TAKLIMAT PERPUSTAKAAN MINGGU DESTINI SISWA (MDS) & MINGGU PEMANTAPAN SISWA (MPS)  
UITM CAWANGAN MELAKA - 03 SEPTEMBER 2018**



**PROGRAM MINUM PAGI PERCUMA @PERPUSTAKAAN KEMBALI LAGI  
PERPUSTAKAAN UITM CAWANGAN MELAKA KAMPUS JASIN - 13 SEPTEMBER 2018**



## AKTIVITI PERPUSTAKAAN



MESYUARAT JAWATANKUASA PERPUSTAKAAN UITM NEGERI (JPPN) BIL 1/2018  
KAMPUS BANDARAYA MELAKA, UITM CAWANGAN MELAKA - 28 SEPTEMBER 2018



'LIBRARY TOUR' BERSAMA PELAJAR PRA-DIPLOMA  
UITM CAWANGAN TERENGGANU - 2 SEPTEMBER 2018



"EIKON & DATASTREAM ONLINE DATABASE TRAINING"  
PERPUSTAKAAN AL-BUKHARI, UITM CAWANGAN PAHANG - 20 SEPTEMBER 2018



TAKLIMAT PERPUSTAKAAN PTAR KAMPUS SAMARAHAN  
RIVERSIDE MAJESTIC HOTEL, SARAWAK - 8 SEPTEMBER 2018



## LAWATAN KE PTAR SEPTEMBER 2018



**SEKOLAH MEN. KEB.SULTAN ABDUL SAMAD, KLANG SELANGOR  
TARIKH: 6 SEPTEMBER 2018  
TEMPAT: PTAR UTAMA**



**LAWATAN KE PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK BAGI PROGRAM PEMANTAUAN UNIVERSITI AIMS MALAYSIA  
TARIKH: 26 SEPTEMBER 2018  
TEMPAT: PTAR UTAMA**



**LAWATAN PENANDAARASAN UNIVERSITI PETRONAS, PERAK  
TARIKH: 28 SEPTEMBER 2018  
TEMPAT: PTAR UTAMA**

## TAKLIMAT PELAN TINDAKAN BENCANA REKOD

Oleh: Mohd Hazrul Mohd Hussin



Jabatan Arkib Universiti dengan kerjasama Arkib Negara Malaysia telah menganjurkan satu taklimat berkenaan dengan Pelan Tindakan Bencana Rekod yang berlangsung di Auditorium Perdana, ILD Bandar Enstek. Taklimat ini dianjurkan selama satu hari pada 19 September 2018 melibatkan Ketua Jabatan / Ketua Pusat / Pengarah / Dekan UITM seluruh sistem UITM.

Taklimat yang julung kali dilaksanakan di UITM adalah satu inisiatif Jabatan Arkib Universiti untuk memastikan setiap PTJ mengambil langkah keselamatan rekod di tempat masing-masing. Antara langkah-langkah yang perlu diambil oleh setiap PTJ adalah:

- i. Membuat langkah persediaan untuk menghadapi dan mengatasi masalah kemusnahan rekod sekiranya berlaku bencana
- ii. Membentuk satu pasukan Petugas Penyediaan Bencana Rekod (PPBR)
- iii. Memastikan Pelan Tindakan Bencana Rekod (PTBR) yang disediakan oleh Arkib Negara Malaysia dipatuhi.

Dengan adanya taklimat seperti ini, setiap Jabatan di seluruh sistem UITM dapat mewujudkan Pelan Tindakan Bencana Rekod yang cekap dengan meminimalkan kemusnahan rekod.

Taklimat ini telah dirasmikan oleh Encik Noor Hidayat bin Adnan, Ketua Pustakawan, Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR) dan disampaikan oleh Tuan Haji Ahmad Sukri Abdul Kadir, Ketua Seksyen Konsultansi dan Latihan, Arkib Negara Malaysia.

# "FREE MARKET@PAB" DI PERPUSTAKAAN AL-BUKHARI

Oleh: Norfitriah Bt Mat Seman



UTUSAN MALAYSIA - KHAMIS 04 OKTOBER 2018



SEBAGAIAN penuntut memilih pakaian terpakai di sudut Pasar Percuma, Perpustakaan Al-Bukhari, UITM kampus Jengka, Pahang, Isnin-baru.

## Pasar Percuma bantu warga kampus

Oleh HARIS FADILAH AHMAD  
utusan@utusan.com.my

### ■ JERANTUT 3 OKT.

**P**ERHATIN dengan kebajikan penuntut, pengurusan Perpustakaan Al-Bukhari (PAB) Universiti Teknologi Malaysia (UTM) Pahang kampus Jengka, dekat sini mengambil inisiatif dengan mewujudkan pusat sebenti yang mengumpul barang terpakai dikenali sebagai Pasar Percuma@PAB di perpustakaan tersebut.

Aktiviti kebajikan itu memfokuskan pengumpulan pakaian terpakai, barang keperluan diri dan buku rujukan yang disumbangkan oleh kakitangan UITM Jengka dan PAB sendiri untuk dipilih dan diambil oleh penuntut secara percuma tanpa had.

Penyelaras program, Rosnita N'afar berkata, Pasar Percuma@

PAB terletak di sudut cafe dalam perpustakaan itu diwujudkan sejak Jan 2016 bertujuan mengumpul seberapa banyak pakaian terpakai dan keperluan tertentu sambilan penyarah serta kakitangan UITM serta pustakawan di situ.

"Projek ini merupakan cetusan idea kakitangan PAB untuk menahirkan nilai kemanusiaan bagi membantu kebajikan penuntut termasuk semua warga kampus supaya dapat meringankan beban berbelanja keperluan diri mereka khususnya pakaian sepanjang tempoh pengajian.

"Penuntut di sini dan semua kakitangan UITM sendiri boleh mendapatkan pakaian terpakai termasuk keperluan lain. Sambil meneaah dan meminjam buku, mereka dapat menjengah di Pasar Percuma@PAB dan bolehlah memilih mengikut minat serta kesesuaian masing-

masing," katanya di sini baru-baru ini.

Menurut Rosnita, projek Pasar Percuma@PAB itu mendapat sambutan menggalakkan daripada warga kampus yang sentiasa menyokong dengan menyumbangkan pakaian harian lelaki dan wanita, tudung, uniform kokurikulum, kasut, selipar, beg dan bahan rujukan untuk sekolah serta universiti.


"Warga kampus dan penuntut di sini tidak perlu bersedu mahu malah dialu-alukan untuk memilih pakaian dan keperluan tertentu yang masih sempurna serta kelihatan baharu di sudut Pasar Percuma@PAB.

"Projek Pasar Percuma@PAB akan diteruskan sepanjang masa dan mengalu-alukan lebih banyak penyumbang untuk beramal membantu kebajikan penuntut dan seluruh warga kampus itu serta masyarakat setempat," katanya.

Perpustakaan Al-Bukhari (PAB) telah mengambil inisiatif dengan mewujudkan bantuan berkonsepkan Free Market @PAB yang mana PAB berfungsi sebagai one-stop centre. Penyumbang yang majoriti dari kalangan staf UITM & warga setempat menyumbang pakaian terpakai yang masih boleh digunakan ke Perpustakaan dan sumbangan akan dipertontonkan di satu sudut khas di dalam Perpustakaan. Warga UITM terutamanya pelajar yang berminat dengan pakaian-pakaian terpakai (prelove) yang disumbangkan boleh datang memilih dan mengambil secara percuma tanpa had. Kewujudan konsep Free Market@PAB ini mendapat respon yang positif dari warga kampus yang mana menyokong dengan memberikan sumbangan berupa pakaian dan bahan bacaan yang masih boleh digunakan oleh pelajar yang memerlukan. Free Market@PAB ini akan diteruskan selagi mana ada penyumbang yang ingin memberi sumbangan dan sentiasa dibuka kepada seluruh warga UITM serta masyarakat setempat.

## BENKEL PANGKALAN DATA PERPUSTAKAAN IEEE TAHUN 2018

Oleh: Jamilah Md Yusoff



20 September 2018 - Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR) Cawangan Perak, Kampus Seri Iskandar telah mengadakan Bengkel Pangkalan Data IEEE bagi tahun 2018 bertempat di Bilik IT2 PTAR Kampus Seri Iskandar. Bengkel ini juga bertujuan untuk memberi latihan secara teori dan praktikal kepada para pensyarah UiTM agar dapat mencari maklumat dengan cara yang lebih berkesan. Bengkel ini adalah merupakan salah satu aktiviti "Library Customer Day 2018" PTAR dan dihadiri 12 orang termasuk staf akademik dan staf perpustakaan.

## "LIBRARY CUSTOMER DAY 2018" PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK (PTAR) CAWANGAN PERAK, KAMPUS SERI ISKANDAR



19-20 September 2018 - Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR) Cawangan Perak, Kampus Seri Iskandar telah mengadakan "Library Customer Day 2018" PTAR Kampus Seri Iskandar bertempat di Aras Bawah Perpustakaan. Objektif program ini meningkatkan kesedaran tentang kepentingan membaca di kalangan warga universiti dan memberi pendedahan kepada pelanggan berkenaan perkhidmatan dan kemudahan yang disediakan oleh perpustakaan. Di antara aktiviti yang diadakan termasuk booth pameran QR code, taklimat Online Database, role and answer, count on me, flip bottle challenge, pirates of the caribbean dan juga booth jualan buku oleh pembekal.

## MESYUARAT SPECIAL INTEREST GROUP (SIG) PENGKATALOGAN & METADATA

Oleh: Nor Hafizah Md. Hanafiah



### **Mesyuarat :**

Mesyuarat Special Interest Group (SIG)  
Pengkatalogan & Metadata Bil.01/2018

### **Tarikh/Masa :**

4 September 2018 (Selasa) /  
10.00 pagi - 1.30 petang

### **Tempat :**

Bilik Mesyuarat Jugra 2, Perpustakaan Sultan  
Abdul Samad, Universiti Putra Malaysia

### **Pegawai Hadir :**

Pn. Nor Hafizah Md. Hanafiah  
(Bahagian Pemprosesan Teknikal, Jabatan  
Pembangunan Bahan Perpustakaan)

### **Objektif :**

SIG Pengkatalogan dan Metadata adalah bertanggungjawab untuk menggalakkan amalan terbaik dengan menyumbang kepada pembangunan pengkatalogan dan metadata mengikut piawaian serta format kebangsaan dan antarabangsa dengan menyediakan peluang pembelajaran dan pembangunan profesional secara berterusan melalui kursus, latihan dan bengkel yang bakal dilaksanakan.

Keanggotaan SIG dipengerusikan oleh Timbalan Ketua Pustakawan Kanan, Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) dan ahli jawatankuasa adalah terdiri daripada semua perpustakaan dan organisasi di bawah Perpustakaan Universiti dan Negara (PERPUN).

Perkara yang dibincangkan ialah berkenaan penetapan MARC21 tag bagi pengkatalogan tesis dan disertasi bagi pembangunan MYTO, perkongsian pengalaman dalam pembangunan polisi RDA dan hal-lain yang berkaitan pengkatalogan dan metadata.